

KESEDIAAN GURU TERHADAP PERLAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH BAGI MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU

*Mohd Safarin Nordin^a
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi
Malaysia*

*Nur Hidayah Ismail^b
Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing,
Kementerian Pelajaran Malaysia*

p-safarin@utm.my^a, desertrose_8481@yahoo.com^b

ABSTRAK

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah diperkenalkan perlaksanaannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di sekolah rendah seluruh Malaysia pada tahun 2011 dan sekolah menengah pada sesi persekolahan 2012. Usaha tersebut adalah sebahagian daripada program transformasi pendidikan Negara. Namun demikian, perlaksanaannya telah menimbulkan pelbagai isu dalam masyarakat sejak ianya diperkenalkan dan tidak terkecuali dalam kalangan guru sendiri. Justeru itu, kajian deskriptif ini telah dijalankan bagi mengenal pasti kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Aspek kesediaan yang dikaji adalah kesediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian ini telah melibatkan seramai 111 orang guru KHB dari 38 buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah Johor Bahru. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan instrument soal-selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Kemudiannya data dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru KHB daerah Johor Bahru mempunyai tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap pelaksanaan PBS. Selain itu, kajian juga mendapati guru mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran KHB. Maka, kajian ini menunjukkan bahawa para guru khususnya guru mata pelajaran KHB bersedia untuk melaksana dan terus melaksanakan PBS dalam tugas seharian mereka. Sehubungan itu penyelidik mencadangkan konsep yang digunapakai dalam PBS diteruskan dan penambahbaikan dilakukan dari masa kesemasa.

Kata kunci: Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Kemahiran Hidup Bersepadu, Kesediaan

1. PENGENALAN

Sistem penilaian berasaskan peperiksaan yang agak terlalu lama digunapakai dalam system pendidikan di Malaysia telah pun dimansuhkan dan digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada tahun 2011. Melalui pentaksiran bentuk baharu ini, keupayaan dan kefahaman pelajar dinilai berdasarkan kepada aktiviti amali dan instrumen khusus yang digunakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Sistem penggredan baru diperkenalkan dalam PBS yang melaporkan pencapaian seseorang murid dalam bentuk Band 1 hingga Band 6 telah mula diperkenalkan pada Januari 2011 bagi murid tahun 1 sekolah rendah dan pada tahun 2012 bagi murid Tingkatan 1 sekolah menengah.

PBS bersifat holistik di mana pentaksiran dibuat dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pentaksiran baharu ini memberikan penekanan kepada kesemua aspek JERI dan mentaksir pencapaian murid diperingkat proses dan produk pembelajaran iaitu satu bentuk pengaplikasian konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*. PBS terdiri daripada empat komponen iaitu pentaksiran pusat, pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik. Kesemua komponen tersebut ditadbirkan diperingkat sekolah.

Dalam konteks kurikulum, PBS telah dilaksanakan pada semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Walaupun mata pelajaran KHB ini telah

menggunakan pentaksiran bagi membantu penilaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), namun pelaksanaan PBS yang dilaksanakan secara menyeluruh bagi menggantikan peperiksaan telah mengubah sistem pentaksiran KHB. Kini, PBS dijadikan medium penilaian utama bagi mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran termasuklah KHB.

Menurut Shepard (2001), penilaian atau pentaksiran dapat digunakan untuk membantu pelajar untuk belajar dan memperkayakan pembelajaran apabila bentuk dan isi kandungannya mestilah berubah untuk menggambarkan kepentingan pemikiran yang lebih baik dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam setiap disiplin. Ini bermakna mentaksir pembelajaran yang berasaskan kepada pemerhatian, soalan lisan, tugas yang signifikan, projek, demonstrasi, pengumpulan hasil kerja pelajar, dan penilaian sendiri pelajar, mewajibkan guru untuk terlibat dalam analisis sistematik terhadap bukti-bukti yang didapati. Cara bagaimana pentaksiran digunakan dalam kelas dan bagaimana ianya ditafsirkan oleh guru dan pelajar mestilah berubah sesuai dengan tujuan sebenar pentaksiran dalam kelas iaitu untuk memperkayakan lagi pengetahuan pelajar. Menurut Stiggins (2002), apabila pentaksiran diadakan untuk pembelajaran, seseorang guru perlu memahami dan menjelaskan dengan terang tentang target pencapaian dalam pengajaran yang pelajar perlu penuhi, memberitahu pelajar berkenaan dengan matlamat pembelajaran pada awal kelas agar mereka dapat gambaran awal tentang tanggungjawab terhadap pembelajaran masing-masing.

Guru perlulah membantu pelajar menambahbaik pembelajaran mereka disamping guru sendiri memperbaiki pengajaran mereka secara berterusan berdasarkan hasil penilaian pencapaian semasa pelajar. Justeru, jelaslah bahawa fungsi pentaksiran adalah untuk mendatangkan kesan yang baik kepada para pelajar dalam meningkatkan keberhasilan dan kualiti pembelajaran mereka. Menurut Fullan dan Stiegelbauer (1991), guru adalah agen utama kepada perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Dalam hal ini, guru juga perlu menyediakan modul-modul mengikut contoh instrumen pentaksiran yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, mentaksir setiap aktiviti pelajar di dalam kelas dan menilai setiap hasil pelajar semasa PdP diadakan. Maka, bagi menjayakan PBS, tahap keperihatinan guru sangat penting untuk menyokong segala perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan sedia ada disekolah waimah perubahan tersebut berskala besar.

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1987) berdasarkan maklumat yang telah digariskan dalam kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup, satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah fungsi mata pelajaran ini terhadap pelajar. Hal ini kerana kerja-kerja praktikal dan amali merupakan komponen penting dalam pembelajaran yang berasaskan kepada sains dan kemahiran. Kerja amali adalah penting kerana persepsi seseorang mengenai situasi akan menentukan kefahaman dan tingkahlakunya dalam situasi tersebut. Sehubungan itu, sebagai seorang pentaksir PBS, guru seharusnya mempunyai pengetahuan pedagogi yang cukup terhadap hasil kerja pelajar yang melibatkan kerja-kerja amali. Oleh itu, guru-guru haruslah didedahkan dengan pengetahuan secukupnya melalui kursus-kursus tertentu. Menurut Masrizal (2003), kursus jangka pendek yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), didapati berkesan dalam meningkatkan pengetahuan guru-guru tetapi tidak dalam aspek pengurusan dan penyelenggaraan bengkel. Hal ini berkait secara langsung dengan pengukuran dan penilaian di mana keberkesanan PdP guru-guru Kemahiran Hidup ini tidak dapat diukur dengan berkesan kerana berlaku ketidakseimbangan pengetahuan dan pengaplikasian terhadap konsep pentaksiran yang baru.

Neal, Joseph dan Marilyn (1971), telah menyenaraikan tiga halangan yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan sesuatu perubahan iaitu, (a) kurangnya penjelasan terhadap perubahan yang diberikan kepada mereka yang melaksanakan perubahan tersebut. Maka itu, maklumat terkini perlulah disampaikan kepada guru dari masa ke semasa, (b) kekurangan kebolehan untuk melaksanakan peranan baru tersebut. Oleh itu, kursus, bengkel dan seminar sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah ini. (c) kemerosotan motivasi guru dalam melaksanakan perubahan boleh menyebabkan mereka menghadapi

masalah, Kegagalan menyelesaikan masalah akan mengakibatkan prestasi kerja merosot. Justeru, kebanyakan transformasi yang berlaku dalam pendidikan mengalami kegagalan yang disebabkan oleh pelaksanaannya (Cheung, 2001). Dalam hal ini, kebanyakan guru terpaksa melaksanakan perubahan beban kerja mereka, di mana mereka bukan sahaja perlu mengajar tetapi juga perlu melakukan kerja-kerja pentadbiran dan ko-kurikulum.

2. PENYATAAN MASALAH

Kredibiliti seorang guru akan dipertikaikan apabila guru kurang membuat persiapan sebelum PdP. Hasilnya, pelajar kurang memahami isi pelajaran yang disampaikan. Namun dengan pelaksanaan PBS, pelajar dikehendaki menyediakan modul dan latihan sehingga memperoleh band pencapaian yang ditetapkan. Jika pelajar masih tidak dapat menguasai pelajaran sama atau tidak melengkapkan kerja kursus mereka mengikut standard ditetapkan, maka mereka perlu mengulanginya sehingga berjaya. Situasi ini akan menyebabkan proses pentaksiran menjadi lebih sukar dan mengambil masa untuk membuat pentaksiran ulangan. Sehubungan itu, kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan kesabaran sangat penting dalam usaha mereka menilai tahap dan keupayaan setiap pelajar dibawahnya. Guru sebagai pentaksir kerja kursus yang dilantik sewajarnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan PBS di sekolah masing-masing dengan jayanya.

Memandangkan pelaksanaan system PBS baru sahaja mula dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia pada Januari 2012, maka kesediaan guru amat penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan system pentaksiran tersebut. Justeru, kertas kerja ini membincangkan hasil kajian yang telah dijalankan mengenai kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran KHB. Secara khususnya, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek pengetahuan, kemahiran mentaksir dan sikap dalam pelaksanaan PBS.

3. METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan berbentuk deskriptif atau keperihalan bagi mengenalpasti kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan PBS KHB dari tiga aspek utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Sampel kajian ini merupakan guru-guru yang mengajar dan melaksanakan PBS KHB Tingkatan 1 seramai 111 orang yang dipilih secara rawak dari 38 buah sekolah menengah harian biasa dalam daerah Johor Bahru.

Jadual 1: Pecahan sampel mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	24	21.6%
Perempuan	87	78.4%
Jumlah	111	100.0%

Instrumen kajian bagi mengenalpasti kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB adalah menggunakan soal selidik berskala likert 5 mata yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan demografi responden seperti jantina dan kelayakan akademik tertinggi. Sementara bahagian B terdiri daripada 40 item soalan berkaitan aspek-aspek kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB. Kesahan soal selidik telah dilakukan oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional dari Universiti Teknologi Malaysia.

Jadual 2: Pecahan sampel mengikut kelayakan akademik tertinggi

Kelayakan Akademik Tertinggi	Bilangan	Peratus
Diploma Perguruan	10	9.0%
Ijazah Sarjana Muda	98	88.3%
Ijazah Sarjana	3	2.7%
Jumlah	111	100.0%

Kajian rintis telah dijalankan keatas 10 guru KHB Tingkatan 1 dari daerah populasi yang sama tetapi tidak terlibat dalam kajian sebenar bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Hasil kajian rintis mendapati bahawa instrument soal selidik yang dibangunkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan pekali Alpha Cronbach .757. Menurut Sekaran (2000), semakin tinggi pekali Alpha Cronbach iaitu menghampiri nilai 1, maka semakin baiklah sesuatu instrumen.kajian itu.

4. ANALISIS DATA

Data yang diperolehi setelah menjalankan kajian sebenar menggunakan soal selidik kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 14.0. Kaedah statistik yang digunakan melibatkan statistik deskriptif bagi menjawab kesemua persoalan-persoalan kajian. Statistik deskriptif merujuk kepada frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai (rujuk jadual 3).

Jadual 3: Kaedah analisis berdasarkan persoalan kajian

Bil.	Persoalan Kajian	Kaedah Analisis
1.	Apakah tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek pengetahuan?	Frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.
2.	Apakah tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek kemahiran mentaksir?	Frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.
3.	Apakah tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek sikap terhadap pelaksanaan PBS?	Frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.

4.1 Analisis Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBS KHB dalam aspek pengetahuan, kemahiran mentaksir dan sikap.

Soal selidik yang digunakan mengandungi 13 item soalan yang mewakili konstruk kesediaan dalam aspek pengetahuan, 13 item soalan yang mewakili konstruk kesediaan dalam aspek kemahiran mentaksir dan 14 item soalan yang mewakili konstruk kesediaan dalam aspek sikap terhadap pelaksanaan PBS. Data kemudiannya dianalisis bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawainya.

Sebagai contoh untuk konstruk aspek pengetahuan, pada langkah ini, frekuensi dan peratus bagi setiap aras persetujuan setiap item dikira dan dijumlahkan serta kemudiannya dibahagikan dengan 5. Seterusnya kesemua item yang mewakili konstruk tahap kesediaan dalam aspek pengetahuan akan dijumlahkan nilai minnya dan akan dibahagikan 13 untuk mendapatkan min keseluruhan. Proses yang sama turut dilakukan ke atas data-data bagi konstruk-konstruk yang lain.

5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif yang dinyatakan dan mengikut skop kajian yang telah ditentukan. Seterusnya, dapatan kajian yang diperolehi akan ditunjukkan dan dibincangkan dengan lebih lanjut bagi menentukan persamaannya atau perbezaan yang wujud di antara dapatan kajian ini dengan dapatan kajian yang lain.

5.1 Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBS KHB Dalam Aspek Pengetahuan

Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis bagi setiap item soalan yang digunakan dalam soal selidik terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dari aspek pengetahuan bagi 111 orang guru yang mengajar KHB dan melaksanakan PBS. Analisis data menunjukkan bahawa guru setuju untuk pernyataan item kedua iaitu "Saya tahu kewujudan dasar pelaksanaan PBS" dengan nilai minnya adalah yang paling tinggi iaitu 4.3063 diikuti item kelapan iaitu "Pengetahuan saya terhadap PBS meningkat setelah merujuk Buku Panduan Pengurusan dan Pengendalian PBS yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan" (M=4.2793, SD=0.4894). Sementara itu bagi item keempat iaitu "Saya memantau prestasi pelajar menggunakan SPPBS" mencatatkan nilai min terendah (M=3.8640, SD=0.9194). Min keseluruhan kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek pengetahuan bagi 111 orang guru ialah 4.1192.

Jadual 4: Analisis min bagi skor keseluruhan kesediaan 111 orang guru dari aspek pengetahuan dalam melaksanakan PBS KHB

No. Item	Pernyataan Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai
2	Saya tahu kewujudan dasar pelaksanaan PBS	4.3063	0.5526
8	Pengetahuan saya terhadap PBS meningkat setelah merujuk Buku Panduan Pengurusan dan Pengendalian PBS yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan	4.2793	0.4894
1	Saya telah menghadiri taklimat PBS	4.2342	0.7256
9	Pengetahuan saya terhadap PBS meningkat setelah merujuk Dokumen Standard Prestasi (DSP) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan	4.1802	0.5752
10	Pengetahuan saya terhadap PBS meningkat setelah merujuk Manual Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan	4.1712	0.5200
13	Saya menilai prestasi pelajar berdasarkan pernyataan dalam Standard Prestasi	4.1351	0.4570
11	Saya merancang dan menyediakan kaedah pentaksiran bagi setiap mata pelajaran	4.1351	0.6394
5	Saya tahu bagaimana hasil kerja pelajar atau evidens sepatutnya diuruskan oleh guru	4.0631	0.6644
7	Saya tahu membina item dalam setiap deskriptor	4.0541	0.6444
3	Saya memahami konsep pentaksiran	4.0541	0.7488
6	Saya tahu peranan Jawatankuasa PBS sekolah	4.0360	0.4848
12	Saya melaksanakan pentaksiran semasa aktiviti PdP	4.0360	0.5709
4	Saya memantau prestasi pelajar menggunakan SPPBS.	3.8640	0.9194
Purata Min		4.1192	

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam aspek pengetahuan dimana guru amat bersedia dan memahami tujuan dan konsep PBS berdasarkan kepada panduan dan peraturan PBS sebagaimana digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011). Justeru, kajian ini menyokong pendapat Rohaya dan Mohd Najib (2008) yang menyatakan bahawa guru-guru haruslah memahami matlamat dan prosedur pelaksanaan pentaksiran supaya tidak dipersoalkan dan dianggap kurang professional sehinggalah mereka mengambil jalan mudah di dalam pentaksiran tanpa perancangan yang betul dan rapi.

Mohd. Anuar dan Khamsawati (2010) juga sependapat dengan hasil kajian ini dengan menyatakan bahawa guru yang berpengetahuan secara mendalam tentang matlamat dan objektif PBS mampu melaksanakan pentaksiran yang sempurna. Hal ini kerana pentaksiran merupakan satu siri proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti mengumpul, merekod skor, menginterpretasi data dan menghuraikan maklumat tentang pembelajaran pelajar bagi mencapai sesuatu matlamat dan tujuan pembelajaran (Asri, 2007). Maka dengan itu pentingnya guru-guru memahami kesemua elemen yang berkaitan dengan pentaksiran

seperti instrumen yang digunakan, kumpulan dan tahap kemahiran pelajar yang ditaksir, maklum balas atau respon yang diberikan terhadap pencapaian pelajar, kumpulan yang mentaksir iaitu guru-guru mata pelajaran serta penetapan skor bagi setiap pentaksiran yang dijalankan supaya matlamat dan tujuan pentaksiran tercapai.

5.2 Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBS KHB Dalam Aspek Kemahiran Mentaksir

Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis bagi setiap item soalan yang digunakan dalam soal selidik terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dari aspek kemahiran mentaksir bagi 111 orang guru yang mengajar KHB dan melaksanakan PBS. Analisis data menunjukkan bahawa guru setuju untuk pernyataan item 19 iaitu "Saya mentaksir kefahaman pelajar mengikut keupayaan mereka" dengan nilai minnya adalah yang paling tinggi iaitu 4.3153 diikuti item 17 iaitu "Saya menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, ujian bertulis, kuiz, dan demonstrasi semasa melaksanakan PBS" ($M=4.2883$, $SD=0.6088$). Sementara itu bagi item 14 iaitu "Saya mahir mentaksir prestasi pelajar menggunakan konsep PBS" mencatatkan nilai min terendah ($M=3.8288$, $SD=0.6161$). Min keseluruhan kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek kemahiran mentaksir bagi 111 orang guru ialah 4.1240.

Dapatan ini menunjukkan bahawa keseluruhannya guru-guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam aspek kemahiran mentaksir PBS KHB yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa sebelum melaksanakan pentaksiran guru-guru telah mengenalpasti konstruk ataupun kemahiran pentaksiran yang bersesuaian dengan objektif, tujuan pentaksiran dan keupayaan pelajar yang ditaksir.

Elemen ini menepati Model Tyler (1949) di dalam buku Mohd Najib (2009) yang menfokuskan kepada pencapaian objektif sesuatu penilaian dan pentaksiran yang dijalankan. Matlamat dan objektif yang bersesuaian dengan kemahiran yang ditafsir akan dapat memberikan perubahan dan pencapaian tingkahlaku seterusnya mempertingkatkan kemahiran pelajar di dalam pembelajaran. Selain itu, Model Tyler ini juga sangat relevan digunakan dalam melaksanakan pentaksiran kerana ianya dimulakan dengan penentuan objektif dan penilaiannya adalah berdasarkan kepada pencapaian dan keberkesanan objektif yang ditetapkan di peringkat awalnya (Mohd Najib, 2009).

Secara keseluruhannya, hasil dapatan mendapati bahawa taha kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS dikalangan guru-guru KHB di sekolah-sekolah menengah harian daerah Johor Bahru berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru melaksanakan pentaksiran mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ini dilihat aspek-aspek kemahiran mentaksir guru berdasarkan dalam konsep penilaian dan pentaksiran yang ditetapkan.

Jadual 5: Analisis min bagi skor keseluruhan kesediaan 111 orang guru dari aspek kemahiran mentaksir dalam melaksanakan PBS KHB

No. Item	Pernyataan Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai
19	Saya mentaksir kefahaman pelajar mengikut keupayaan mereka	4.3153	0.6464
17	Saya menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, ujian bertulis, kuiz, dan demonstrasi semasa melaksanakan PBS	4.2883	0.6088
18	Saya mentaksir setelah selesai mengajar setiap tajuk yang diajar	4.2432	0.6636
26	Saya membuat persediaan rapi dengan menyediakan ABM yang sesuai bagi memastikan pelaksanaan PBS berjalan dengan berkesan	4.2162	0.4350
16	Saya boleh berfikir secara kreatif dalam memilih tugas untuk dijadikan instrumen pentaksiran	4.1982	0.5850
24	Saya membantu memperbaiki pembelajaran pelajar	4.1441	0.5018

	setelah melaksanakan pentaksiran PBS		
22	Saya membuat pemerhatian secara langsung dan tidak langsung untuk mendapatkan maklumat tentang tingkah laku pelajar dalam pembelajaran	4.1441	0.6303
20	Saya meneruskan aktiviti pengajaran dengan tajuk yang lain sekiranya pelajar telah mencapai standard yang ditetapkan	4.0901	0.5649
23	Saya membina instrumen menggunakan pelbagai kaedah pembinaan item berdasarkan Dokumen Item Contoh (DIC)	4.0721	0.5512
25	Saya yakin menggunakan PBS dalam menentukan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran KHB	4.0541	0.6301
21	Saya membuat sesi pemulihan untuk membimbing pelajar yang tidak mencapai standard yang ditetapkan	4.0180	0.6740
15	Saya dapat menerangkan kriteria permarkahan PBS kepada pelajar dengan baik	4.0000	0,6325
14	Saya mahir mentaksir prestasi pelajar menggunakan konsep PBS	3.8288	0.6161
Purata Min		4.1240	

5.3 Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBS KHB Dalam Aspek Sikap

Jadual 6 menunjukkan dapatan analisis bagi setiap item soalan yang digunakan dalam soal selidik terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dari aspek sikap bagi 111 orang guru yang mengajar KHB dan melaksanakan PBS. Analisis data menunjukkan bahawa guru setuju untuk pernyataan item 38 iaitu "Saya berbincang dengan rakan sealian bagi membuat refleksi isi kandungan PdP setelah pelaksanaan PBS" dengan nilai minnya adalah yang tinggi iaitu 4.1982 diikuti item 29 iaitu "Saya berbincang dengan guru lain untuk mengatasi kelemahan pencapaian pelajar yang telah melaksanakan PBS" ($M=4.1892$, $SD=0.4159$). Sementara itu bagi item 36 iaitu "Saya membuat kajian tindakan mengenai kebolehan pelajar bagi memastikan penilaian terhadap pelajar berkesan bersesuaian dengan kehendak PBS" mencatatkan nilai min terendah ($M=3.5946$, $SD=0.9183$). Min keseluruhan kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS KHB dalam aspek sikap terhadap PBS bagi 111 orang guru ialah 3.9936.

Dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kesediaan guru dalam aspek sikap dalam pelaksanaan PBS berada pada tahap yang sederhana. Guru-guru KHB bersedia dan mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan PBS dengan konsep dan kaedah pentaksiran berpandukan Buku Pengendalian dan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Hal ini jelas menunjukkan ciri-ciri profesionalisme guru dalam melaksanakan PBS seperti yang dinyatakan oleh Akhbar Pardi, Shamsina Shamsuddin dan Muhammad Kushairi Jusoh (2012) dimana antara ciri-cirinya adalah seperti tegas dan bermatlamat, jujur, tulus dan berintegriti, berdedikasi dan mempunyai komitmen serta sentiasa bersedia.

Guru dalam kajian ini menunjukkan mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan PBS KHB. Guru-guru memberikan komitmen yang tinggi dalam profesion mengajar mereka. Majoriti guru menyatakan bahawa mereka masih memerlukan kursus-kursus peningkatan kemahiran mentaksir dan penguasaan dalam PBS. Oleh itu guru-guru perlu diberi pendedahan yang lebih mendalam melalui kursus pendek atau latihan dalaman yang dianjurkan oleh pihak tertentu. Menurut Byron (1990), setiap program profesionalisme pendidikan mesti mampu memenuhi kehendak individu atau guru, manakala Oldnyd dan Hall (1991) menjelaskan bahawa kehendak dan keperluan itu perlulah berkaitan dengan keperluan pembangunan. Hal ini kerana guru akan lebih berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti pendidikan yang dianjurkan jika ianya benar-benar sesuai dengan keperluan mereka.

Jadual 6: Analisis min bagi skor keseluruhan kesediaan 111 orang guru dari aspek sikap dalam melaksanakan PBS KHB

No. Item	Pernyataan Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai
38	Saya berbincang dengan rakan sealian bagi membuat refleksi isi kandungan PdP setelah pelaksanaan PBS	4.1982	0.4636
29	Saya berbincang dengan guru lain untuk mengatasi kelemahan pencapaian pelajar yang telah melaksanakan PBS	4.1892	0.4159
40	Saya komited dalam menjalankan PBS	4.1802	0.5081
28	Saya berkemampuan untuk mengikuti kursus tentang PBS	4.1712	0.5539
30	Saya membantu rakan sejawat dalam masalah PBS	4.1081	0.4739
37	Saya bersedia untuk mengikuti kursus pemantapan PdP bagi memantapkan lagi pengetahuan saya dalam pelaksanaan PBS	4.0811	0.5246
39	Saya membuat tindakan susulan untuk menganalisis pencapaian KHB pelajar	4.0721	0.4202
31	Saya kerap terlibat dalam merancang aktiviti pelaksanaan PBS di sekolah seperti pembinaan instrument	4.0180	0.5042
32	Saya menawarkan diri membantu guru dalam pelaksanaan PBS kerana minat yang mendalam terhadap bidang ini.	3.9369	0.6644
33	Saya berpuashati setelah melaksanakan PBS	3.9189	0.7152
27	Saya yakin pengetahuan saya tentang PBS mencukupi	3.8288	0.6449
34	Saya amat berminat melaksanakan PBS kerana telah diberi pendedahan tentang PBS	3.8108	0.6676
35	Saya berasa selesa melaksanakan PBS dengan perubahan system pentaksiran yang baru	3.8018	0.6852
36	Saya membuat kajian tindakan mengenai kebolehan pelajar bagi memastikan penilaian terhadap pelajar berkesan bersesuaian dengan kehendak PBS	3.5946	0.9183
Purata Min		3.9936	

6. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBS adalah tinggi terutama dari aspek kemahiran mentaksir, pengetahuan dan sikap terhadap pelaksanaan PBS KHB. Kesediaan guru bergantung kepada pengetahuan guru memahami konsep dan kaedah pelaksanaan PBS yang telah ditetapkan. Guru dilihat dapat memahami dan mempunyai kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran dengan merancang dan menetapkan objektif pentaksiran bersesuaian dengan aras kemahiran pelajar. Perancangan yang teliti mengikut garis panduan yang ditetapkan Lembaga Peperiksaan Malaysia akan dapat memastikan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu pentaksiran. Hal yang demikian seterusnya menjadikan pentaksiran di sekolah umumnya dan dalam bilik darjah khususnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta menambahbaik penilaian aktiviti PdP supaya menjadi lebih bermakna.

RUJUKAN

- Akhair Pardi, Shamsina Shamsuddin dan Muhammad Kushairi Jusoh. (2012). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd
- Asri Selamat. (2007). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Sekolah-Sekolah Menengah Bestari Negeri Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis PhD
- Fullan, M.G.dan Stiegelbauer,S. (1991). *The New Meaning of Educational Change*. 2nd.ed. London: Cassel Educational Limited.

- Masrizal Bin Satute (2003). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Mohd Anuar Abdul Rahman dan Khamsawati Jaafar. (2010). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Daerah Kuantan, Pahang*. Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Daerah Kuantan, Pahang . m.s. 1-9. (tidak diterbitkan)
- Rohaya Talib dan Mohd Najib Abdul Ghafar. (2008). *Pembinaan Instrumen Bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah. Pusat Latihan UTM, Skudai, 25-27 November 2008.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach*, 3 ed. John Wiley & Sons, Inc.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shepard, L.A., (2001). *The Role of Classroom Assessment in Teaching and Learning*. In V. Richardson (Ed.), *The Handbook of Research on Teaching, Fourth Edition*. Washington, DC: American Educational Research Association
- Stiggins, R.J., (2002). *Assessment Crisis: The Absence of Assessment for Learning, Knowing What Student Know*. In Committee on the Foundation of & Information Studies, University of California, Los Angeles, USA.